



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
ISNIN 14 SEPTEMBER 2020**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2. 3.	MAFI BANTU PETANI MUSIM TENGGUJUH, KELANTAN, HAKAKAH -N13 BEKALAN MAKANAN SEPANJANG PKP CUKUP DAN HARGA TERKAWAL, FOKUS, HAKAKAH -F5 36 INISIATIF RANCAKKAN KEMBALI AKTIVITI PERTANIAN DAN PENGELUARAN MAKANAN, FOKUS, HAKAKAH -F5	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
4.	MAQIS RAMPAS 4,500KG BIJI KOPI, LOKAL, HM -2	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
5. 6.	MALAYSIA DIJANGKA HASIL 443,000 TAN DURIAN 2030, NASIONAL, BH -15 DURIAN PRODUCTION SET TO HIT 443,000 TONNES BY 2030, NEWS, NST -15	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTAUN (FAMA)
7. 8. 9. 10. 11. 12. 13. 14. 15. 16. 17.	GANTI JETI KAYU BAGI KEMUDAHAN NELAYAN, TERENGGANU, HAKAKAH -N14 PROJEK MEGA TAMBAK LAUT TIDAK ABAI NELAYAN, P.PINANG/KEDAH, SH -28 RM5.18 JUTA BANTU PESAWAH TERJEJAS, KEDAH, HAKAKAH -N17 HARGA IKAN KEMBUNG MUSIM TEMCO TINGGI, DALAM NEGERI, UM -10 HARGA IKAN KEMBUNG NAIK MENDADAK, NEGARA, KOSMO -5 3,000 NELAYAN TERJEJAS PENDAPATAN, DALAM NEGERI, UM -11 FENOMENA IKAN TERAPUNG TIMBUL PERSOALAN, DALAM NEGERI, UM -32 REMPAH BBQ HAQIQAT LEBIH SEDAP, NASIONAL, SH -5 SASAR JUJALAN 7 TAN METRIK TIMUN SEHARI, BISNES SINAR, SH -30 REMAJAKAN SEKTOR PERTANIAN DEMI KEPENTINGAN MAKANAN NEGARA, NASIONAL, HAKAKAH -N8 PERTANIAN SATU PELUANG JANA EKONOMI CUKUP BESAR, NASIONAL, HAKAKAH -N8	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

# MAFI bantu petani musim tengkujuh



Perarakan bot yang membawa Jalur Gemilang.

Oleh **SALMAH MAT HUSAIN**  
Foto **RIZAL TAHIR**

**TUMPAT:** Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sedia membantu golongan petani di Kelantan menghadapi musim tengkujuh tidak lama lagi.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Dato' Che Abdullah Mat Nawawi berkata, pihaknya akan memastikan petani yang terjejas menerima bantuan sewajarnya.

Katanya bantuan yang diberi termasuk sumbangan modal untuk menanam semula tanaman mereka.

"Kita juga berharap pesawah mengikut jadual (menanam dan menuai padi) yang ditetapkan bagi

mengelakkan musim banjir.

"Sekiranya pesawah lewat menanam padi maka mungkin tanaman dan hasilnya akan terjejas apabila tiba musim tengkujuh," katanya selepas merasmikan Sambutan Bulan Kebangsaan dan Hari Malaysia 2020 di Resort Dewan Sri Tanjung Pulau Teluk Renjuna baru-baru ini.

Turut hadir Adun Kelaboran Mohd Adanan Hassan, Adun Wakaf Bharu Mohd Rusli Abdullah, pimpinan Bersatu dan Umno Tumpat.

Pada program itu Che Abdullah bersama kira-kira 150 peserta melakukan perarakan Jalur Gemilang dengan 26 bot berkonvoi dari Pantai Kemahkotaan Tumpat (Pantai Ndo) ke Teluk Renjuna.

Beliau juga berkata, negara memerlukan petani dalam kalangan anak-anak muda bagi memperkasa produktiviti industri makanan.

Katanya, penglibatan anak muda penting memandangkan sumber pengeluaran makanan negara semakin berkurangan sekarang.

Sedangkan kata beliau permintaan bekalan makanan terus meningkat.

"Kerajaan berusaha pelbagai langkah termasuk menggunakan teknologi dan melakukan kajian bagi meningkatkan hasil pertanian.

"Antara produk yang mendapat sambutan sekarang termasuk kelapa, nanas, nangka, musangking, padi dan jagung," ujarnya.

# Bekalan makanan sepanjang PKP cukup dan harga terkawal

Oleh AZIZ MUHA

**M**EMANG tidak dinafikan bahawa industri pertanian dan makanan merupakan antara industri ekonomi yang terjejas semasa penularan pandemik Covid-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula 18 Mac lalu.

Pelaksanaan PKP telah mengganggu kelancaran rantaian makanan termasuklah pengeluaran, pemprosesan, pengedaran dan peruncitan produk hasil pertanian dan industri makanan.

Pandemik Covid-19 juga telah menyebabkan permintaan produk-produk hasil pertanian terutamanya dari industri perhotelan, restoran dan katering serta industri pemprosesan makanan dan peruncitan tradisional iaitu pasar tani, pasar pagi, pasar raya serta hypermarket berkurangan kerana arahan penutupan pada masa itu dan waktu operasi yang minimum.

Sehubungan itu, permintaan terhadap bekalan makanan yang berkurangan pada peringkat awalnya telah mencetuskan isu lambakan hasil pertanian seperti sayur-sayuran dan buah-buahan di beberapa kawasan. Contohnya, isu lambakan nanas di Johor, lambakan sayur-sayuran di Lojing dan di Cameron Highland, Pahang.



Susulan daripada isu lambakan itu, masalah penyimpanan dan pemprosesan turut berlaku yang menyebabkan pengusaha terpaksa menanggung kos penyimpanan stok selain meningkatkan risiko kerugian bagi lebih produk yang tidak dapat disimpan serta tidak dapat dipasarkan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Dato' Che Abdullah Mat Nawi menjelaskan, bagi memastikan bekalan makanan negara sentiasa mencukupi, industri pertanian dan makanan telah dikategorikan sebagai perkhidmatan penting, essential services semasa tempoh PKP.

Menurut beliau, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) telah mengambil langkah bagi mengeluarkan surat sokongan kepada semua pihak yang terlibat dalam rantaian bekalan makanan supaya aktiviti pertanian dan pengeluaran makanan boleh diteruskan dengan pematuhan kepada SOP yang ditetapkan.



Dato' Che Abdullah Mat Nawi

Selain itu, perkhidmatan logistik dan pengangkutan yang menyokong pengedaran dan pemasaran makanan dibenarkan beroperasi seperti sedia kala bagi memastikan bekalan produk-produk penting sampai kepada pengguna. Aspek pengeluaran sentiasa menjadi keutamaan kementerian dalam memastikan bekalan makanan sentiasa mencukupi.

"Justeru, kementerian telah menubuhkan Bilik Gerakan Pemantauan Krisis Covid-19 bagi memantau status bekalan makanan harian dan isu-isu yang dihadapi oleh petani serta tindakan mitigasi dapat diambil dengan segera.

"Laporan harian dan cadangan intervensi isu-isu semasa PKP juga dikemukakan dalam mesyuarat khas menteri-menteri dan mesyuarat jawatankuasa teknikal mengenai pelaksanaan PKP untuk pertimbangan dan penyelesaian," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Senator Alan Ling Sie Kiong menerusi sesi Jawapan-Jawapan Lisan Bagi Pertanyaan-Pertanyaan pada persidangan Dewan Negara 2 September lalu.

Senator Alan Ling Sie Kiong dalam soalan asalnya meminta Menteri Pertanian dan Industri Makanan menyatakan, adakah industri pertanian dan makanan terjejas semasa penularan pandemik Covid-19, dan bagaimanakah Kementerian memastikan bekalan makanan dalam negara sentiasa mencukupi semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Menjawab soalan itu dengan lebih lanjut, Che Abdullah menjelaskan tinjauan berterusan MAFI dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mendapati bahawa status bekalan makanan sepanjang tempoh PKP adalah mencukupi dan berada pada tahap harga yang terkawal.

## Program Komuniti Kebun

Sementara itu, menerusi

soalan tambahan, Senator Alan Ling Sie Kiong berkata, beliau telah difahamkan tahun lepas Kementerian ada melancarkan satu inisiatif atau program yang dipanggil komuniti kebun.

"Semasa PKP ini ramai yang sudah memulakan tanam sayur-sayuran di belakang rumah masing-masing. Ini satu konsep yang sangat baik. Adakah inisiatif ini telah dilancarkan di Sarawak khususnya? Kalau sekiranya tidak, adakah Kementerian bercadang untuk mempergiatkan inisiatif komuniti kebun ini di Sarawak?" tanya beliau.

Menjawab soalan itu, Che Abdullah menjelaskan, Program Komuniti Kebun yang telah dilancarkan oleh Kementerian berkenaan itu memang memberi manfaat yang cukup besar kepada rakyat.

Beliau difahamkan bahawa hampir kesemua peruntukan itu, walaupun sebahagiannya belum sampai kepada penerima akhir atau petani-petani, namun perkara itu telah dalam perancangan, terutamanya peruntukan RM10 juta yang diperuntukkan dalam Program Penjana.

"Jadi, Sarawak itu saya perlu melihat kepada program khusus di negeri Sarawak untuk saya sampaikan maklumat kepada Yang Berhormat yang bertanya," jelas beliau.

# 36 inisiatif rancakkan kembali aktiviti pertanian dan pengeluaran makanan

BAGI memastikan aktiviti petani, pekebun, penternak, nelayan dan usahawan tani tidak terjejas akibat penularan pandemik Covid-19, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin dan Penjana, telah dan akan melaksanakan 36 inisiatif bagi merancakkan semula aktiviti pertanian dan pengeluaran makanan.

Di bawah Prihatin, MAFI diperuntukkan sebanyak RM190 juta bagi pelaksanaan Program Jaminan Bekalan Makanan melalui insentif atau subsidi peningkatan mobilitasi dan logistik bahan makanan serta pemantapan bekalan stok makanan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Dato' Che Abdullah Mat Nawi menjelaskan, selain itu, Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan Pertubuhan Nelayan Kawasan (PNK) juga telah diperuntukkan dana khas untuk



Para petani, penternak dan nelayan jelas terbelah di bawah Kerajaan Perikatan Nasional (PN) termasuk ketika krisis Covid-19. - Gambar hiasan.

menggalakkan penglibatan dan aktiviti ahli peladang dan nelayan dalam industri pertanian dan makanan.

Menurut beliau, di bawah Penjana, MAFI juga telah diperuntukkan sebanyak RM400 juta untuk melaksanakan tiga inisiatif khusus iaitu skim

pembiayaan mikro kredit yang menawarkan pinjaman dengan kadar faedah 3.5 peratus untuk tempoh lima tahun, diperuntukkan sebanyak RM350 juta.

"Kemudian Program Komuniti seperti yang disebut oleh Yang Berhormat yang awal tadi iaitu berkeben secara berkumuniti,

kaedah pertanian bandar yang berbentuk pemberian in-kind sebanyak RM500 untuk individu dan RM50 ribu untuk komuniti dan juga Program Mobiliti Tenaga Kerja Agromakanan yang menyediakan latihan semula dalam industri agromakanan yang diperuntukkan sebanyak RM40 juta. Jadi, keseluruhan adalah RM400 juta," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan daripada Senator Ahmad Yahaya menerusi sesi Jawapan-Jawapan Lisan Bagi Pertanyaan-Pertanyaan pada persidangan Dewan Negara 2 September lalu.

Senator Ahmad Yahaya dalam soalan tambahannya daripada soalan asal Senator Alan Ling Sie Kiong bertanya, apakah usaha kerajaan atau bentuk bantuan kerajaan dalam membantu petani bagi merancakkan kembali hasil pertanian serta pendapatan mereka yang terjejas dengan Covid-19.

Sebelum itu, Senator Alan Ling

Sie Kiong dalam soalan asalnya meminta Menteri Pertanian dan Industri Makanan menyatakan adakah industri pertanian dan makanan terjejas semasa penularan pandemik Covid-19, dan bagaimanakah Kementerian memastikan bekalan makanan dalam negara sentiasa mencukupi semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Menjawab soalan tambahan daripada Senator Ahmad Yahaya itu dengan lebih lanjut, Che Abdullah berkata, jadi, keseluruhan program atau projek yang disenaraikan di bawah pakej PRE, termasuk projek infrastruktur dan peruntukan RM50 juta Prihatin dan Penjana, bernilai RM640 juta.

"(Kesemua itu) sedang dilaksanakan melalui pelbagai jabatan dan agensi di bawah MAFI, bagi memastikan petani-petani, penternak dan nelayan kita dibela sepanjang pandemik Covid-19 ini," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/9/2020	HARIAN METRO	LOKAL	2

## Maqis rampas 4,500kg biji kopi

**Klang:** Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Selangor berjaya mematahkan cubaan membawa masuk 4,500 kilogram biji kopi mentah tanpa permit di Pelabuhan Klang Utara di sini, kelmarin.

Pengarahnya Dr Tarmis Alimin berkata, biji kopi mentah dibungkus bernilai RM197,000 itu dirampas hasil pemeriksaan ke atas kontena di Tapak Pemeriksaan Gudang B2.

“Pemeriksaan lanjut jam 10.30 pagi hingga 12 tengah hari mendapati kontena membawa biji kopi mentah dari Indonesia tiada Permit Import Maqis.

“Semua dagangan dirampas untuk siasatan mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

“Jika sabit kesalahan, bo-

leh dihukum mengikut Seksyen 11(3) Akta sama membabitkan denda melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali,” katanya dalam kenyataan media, semalam.

Tarmis berkata, pengimportan dagangan keluaran pertanian tanpa mengikut syarat yang ditetapkan boleh mendatangkan kesan buruk terhadap industri pertanian negara.

“Sekiranya biji kopi itu dibawa dari negara berisiko dan tidak mematuhi syarat import sepatutnya, ia dikhuatiri membawa ancaman serangan perosak pertanian.

“Tindakan penguatkuasaan undang-undang akan terus diperkasa di semua pintu masuk negara bagi memastikan kawalan penyakit ikan, haiwan, tumbuhan dan jaminan keselamatan makanan terpelihara,” katanya.



Biji kopi yang dirampas hasil pemeriksaan ke atas kontena di Tapak Pemeriksaan Gudang B2.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/9/2020	BERITA HARIAN	NASIONAL	15

# Malaysia dijangka hasil 443,000 tan durian 2030

Unjuran MAFI berdasarkan kawasan tanaman 72,536 hektar

**Raub:** Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menjangkakan pengeluaran durian negara meningkat kepada 443,000 tan menjelang 2030 berbanding 384,170 tan pada 2019.

Setiausaha Bahagian Pemasaran dan Eksport MAFI, Khalid Ibrahim, berkata unjuran itu berdasarkan saiz kawasan tanaman durian negara seluas 72,536 hektar pada 2019.

Katanya, Pahang, Johor dan Sarawak adalah penyumbang utama pengeluaran durian negara dengan Pahang menghasilkan 89,916

tan, Johor (87,638 tan) dan Sarawak (84,650 tan).

"Raub, Pahang adalah pusat pengeluaran utama durian bagi varieti Musang King. Daerah ini mempunyai 11,201.2 hektar kawasan penanaman durian dan pengeluaran 70,650 tan bernilai RM1.3 bilion.

"Musang King, D24, Duri IOI dan durian kampung adalah varieti popular yang ditanam di Raub," katanya pada Program Durio Tour @Raub 2020 di sini, baru-baru ini.

Mengenai eksport durian, Khalid berkata, lima destinasi



**Khalid (tengah)** bersama Pengarah Pusat Perkhidmatan Pelajar Malaysia China, Zhang Runxuan (dua dari kiri) dan peserta mendengar taklimat mengenai anak pokok durian di Raub, baru-baru ini. (Foto BERNAMA)

eksport utama ialah Singapura, Hong Kong, Amerika Syarikat, China serta Vietnam dan pada 2018, Malaysia mengeksport 23,381 tan raja buah itu dengan nilai RM118.2 juta.

Mengenai program pelancangan durian atau Durio Tourism, beliau yakin negara mampu merancakkan usaha berkenaan selepas COVID-19 berakhir.

Katanya, kaedah baharu digunakan bagi mempromosi Durio Tourism termasuk menggunakan pengaruh media sosial yang mempunyai ratusan ribu pengikut.

"Pada Program Durio Tour @Raub 2020, MAFI berkesempatan membawa enam pelajar dari China dan lima mempengaruhi serta dua wakil Kedutaan China untuk merasai pengalaman mengenali durian dan kawasan penanaman durian," katanya yang yakin usaha berkenaan dapat mempromosikan Durio Tourism kepada pelawat China.

Sementara itu, Pengarah Kanan Galakan Pasaran FAMA, Rosilawati Abu Hassan, berkata program itu dapat memberikan kesan positif terhadap permintaan durian sejuk

beku di China, sekali gus meningkatkan nilai eksportnya.

Beliau berkata, bagi memastikan kesegaran buah sepanjang perjalanan ke China, varieti Musang King yang berkualiti tinggi dibawa terus dari dusun ke kilang dan diproses pada hari sama.

Selepas diproses, buah itu dibungkus dengan kaedah pek vakum sebelum diletakkan di bilik sejuk beku bersuhu -18 darjah Celsius.

"Di bilik sejuk beku ini, durian boleh bertahan sehingga enam bulan," katanya. BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/9/2020	NEWS STRAITS TIMES	NEWS	15

## INCREASING DEMAND

# Durian production set to hit 443,000 tonnes by 2030

**RAUB:** National durian production is expected to increase to 443,000 tonnes by 2030, said Agriculture and Food Industries Ministry marketing and export division secretary Khalid Ibrahim.

He said the projection was based on the 2019 Crop Statistics after the country recorded 72,536ha of durian cultivation and production of 384,170 tonnes last year.

Khalid said Pahang, Johor and Sarawak were the chief contributors to national durian production, with 89,916 tonnes coming from Pahang, 87,838 tonnes from Johor and 34,650 tonnes from Sarawak.

"Raub in Pahang is the main producer of the Musang King durian. This district has 11,201.2ha of land cultivated with durian and a production of 70,650 tonnes worth RM1.3 billion.

"Musang King (D197), D24, Duri

IOI (D168) and Durian Kampung are the popular varieties grown here," he said at a Durio Tour @ Raub 2020 programme recently.

Khalid added that a total 23,381 tonnes of durian worth RM118.2 million was exported in 2018 and that the country's five major export destinations for durian were Singapore, Hong Kong, the United States, China and Vietnam.

In October last year, the ministry told farmers and tourism industry players that it wanted to step up durio-tourism to attract more foreign tourists but the Covid-19 pandemic got in the way.

However, Khalid is still optimistic the country will achieve its aim after a new method of promotion was introduced using social media and the participation of several local university students from China.

"During the Durio Tour @ Raub 2020 programme, the ministry brought six China international students, five media influencers



Agriculture and Food Industries Ministry marketing and export division secretary Khalid Ibrahim (third from right) with the Durio Tour @ Raub 2020 programme participants in Raub yesterday. BERNAMA PIC

and two Chinese embassy representatives on an orchard and durian discovery tour.

"These social media influencers have hundreds of thousands of followers. I think that their videos will go viral here and in China," he said.

Khalid hopes that the promotion will be continued to help increase demand and the export

value of durian to China, as well as show international durian lovers how to tell the Musang King and other durian varieties available in the market apart.

He said that the programme was also aimed at strengthening ties between durian industry players and the Agriculture and Food Industries Ministry, including promoting Malaysia as the

world's top producer of premium durian and newer products by the agro-food sector.

Federal Agricultural Marketing Authority market promotion senior director Rosilawati Abu Hassan said the programme would have a positive impact on demand for frozen durian from China, increasing its export value.

**Bernamea**

## Ganti jeti kayu bagi kemudahan nelayan

Oleh HIDAYAH AZLIN &  
ARIFUDDIN ALIAS

**KUALA NERUS:** Kesukaran nelayan mendaratkan hasil tangkapan memandangkan keadaan jeti semakin usang mendapat perhatian kerajaan negeri.

Sehingga sekarang banyak jeti nelayan yang dibuat daripada kayu diganti dengan jeti konkrit yang jauh lebih selesa.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa negeri, Dr Azman Ibrahim berkata, kerajaan

negeri melulus peruntukan RM100,000 bagi pembinaan jeti konkrit di Kampung Batin, Seberang Takir.

Katanya projek tersebut bagi menggantikan jeti lama yang telah berusia 10 tahun.

"Kemudahan jeti baharu akan memberi manfaat kepada kira-kira 25 bot nelayan bagi mendaratkan hasil tangkapan.

"Buat sementara waktu kita baiki dulu untuk kegunaan sementara. Dengan kelulusan pembinaan jeti konkrit baharu ia bakal memberi keselesaan kepada nelayan kita di sini,"

katanya kepada wartawan UPD) di Wisma Darul Iman baru-baru ini.

Dr Azman juga berkata, kerajaan negeri menaikan janji menggantikan jeti nelayan di Kampung Geliga Kemaman yang uzur.

Katanya kerja-kerja pembinaan jeti tersebut sudah dilaksanakan bagi memberi keselesaan kepada nelayan.

Sementara itu, Pegawai Penyelaras Dewan Undangan Negeri (Dun) Seberang Takir, Mohd Fazil Wahab berkata, kerja-kerja membaik pulih jeti di Kampung Batin dijangka siap sebelum akhir tahun ini.



Jeti baharu nelayan di Kampung Geliga Kemaman.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/9/2020	SINAR HARIAN	NEGERI	28

## Projek mega tambak laut tidak abai nelayan

**GEORGETOWN** - Kerajaan Pulau Pinang nafi mengabaikan para nelayan di negeri itu dengan pelaksanaan projek mega tambakan laut di perairan selatan Pulau Pinang (PSR).

Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang, Datuk Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman berkata, PSR merupakan sebuah projek yang bakal dilaksanakan demi menjaga kepentingan dan kebajikan kepada seluruh rakyat Pulau Pinang demi masa depan yang lebih cerah.

“Kerajaan negeri tidak menafikan yang mereka (nelayan) tidak terkesan langsung. Kami bukan sahaja menjaga kebajikan nelayan... Ada tujuan yang besar kenapa kami nak tambak tanah ini.

“Tanah kita sudah berkurangan. Kita tidak ada tanah-tanah untuk industri, pembangunan dan lain-lain jadi perlu juga untuk melaksanakan projek ini sebagai pihak yang bertanggungjawab untuk keseluruhan rakyat dan negeri tetapi kami tidak akan tinggalkan nelayan,” katanya kepada pemberita ketika ditemui selepas merasmikan Bengkel Pembangunan Wanita untuk Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) semalam.

Pada 4 September lalu, Pengerusi Persatuan Nelayan Pulau Pinang (Pen Mutiara), Mahadi Md Rodzi mengu- langi kenyataan bahawa para nelayan tetap menolak projek mega itu.

Mahadi berkata, komuniti nelayan adalah komuniti yang akan terkesan

secara terus dengan projek tersebut.

Tambah menyakitkan, beliau mendakwa, kerajaan negeri tidak menjemput sebarang perwakilan nelayan untuk hadir membincangkan mengenai pampasan kepada nelayan.

Dalam menjawab dakwaan tersebut, Ahmad Zakiyuddin berkata, kerajaan negeri kini dalam usaha untuk mewujudkan inisiatif serta bantuan untuk membantu para nelayan kekal dan meningkatkan pendapatan mereka.

“Satu daripada pendekatan yang dicadangkan ialah pertanian akuakultur menggunakan kaedah moden untuk perikanan, ajar mereka strategi pemasaran dan lain-lain. Malah kami juga akan bantu nelayan yang ingin beralih

kepada sektor ekonomi yang lain seandainya mereka tidak lagi mahu menjadi nelayan,” katanya.

Di bawah projek PSR, kerajaan negeri mencadangkan projek pembangunan menebus guna kawasan laut seluas 1,821 hektar, termasuk pembinaan tiga pulau buatan di kawasan Selatan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang hingga ke perairan Permatang Damar Laut.

Projek Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP) bernilai RM46 bilion itu turut melibatkan pembinaan terowong bawah laut yang menghubungkan pulau dan juga tanah besar, lebuhraya, LRT, monorail dan jaringan bas menyeluruh, antara bahagian pulau dan Seberang Perai. - *Bernama*

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/9/2020	HARAKAH	KEDAH	17



Anggota Exco kerajaan negeri menyerahkan bantuan Tabung Bencana Tanaman Padi 2020.

## RM5.18 juta bantu pesawah terjejas

**JITRA:** Kerajaan mewujudkan Tabung Bencana Tanaman Padi bagi membantu pesawah yang terjejas pendapatan ekoran pelbagai masalah dihadapi berkaitan tanaman padi.

Tahun ini sebanyak RM5.18 juta akan disumbangkan kepada seramai 3,651 pesawah melibatkan 10 kawasan Parlimen dan 17 Dun di Kedah.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Makanan, Perusahaan, Perladangan & Komuniti, Pengangkutan dan Hal Ehwal Masyarakat India Kedah Azman Nasrudin berkata, pesawah berhadapan dengan pelbagai masalah termasuk pengairan, cuaca dan serangan penyakit padi.

Katanya, Kementerian Pertanian dan Indus-

tri Makanan menyalurkan bantuan melalui Tabung Bencana Tanaman Padi Tahun 2020 sebanyak dua kali tahun ini.

“Bantuan pertama disalurkan berjumlah RM2.37 juta dan bantuan kedua RM7.33 juta,” katanya pada majlis Penyampaian Tabung Bencana Tanaman Padi Tahun 2020 di Dewan Semarak Kasih, Pertubuhan Peladang Lubuk Batu di sini baru-baru ini.

Hadir sama Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang Kedah, Anuar Mat Esa; Pengarah Jabatan Pertanian Kedah, Ramli Abd Rahman; Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Kedah, Dato’ Abd Lateh Md Saman dan Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Pe-

ladang Lubuk Batu, Harun Ramli.

Azman juga berkata, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan serta kerajaan Kedah tidak pernah terlepas pandang terhadap masalah yang dihadapi pesawah.

Menurutnya juga kawasan Kubur Panjang di daerah Pendang paling banyak menerima bantuan tanaman padi melibatkan seramai 832 pesawah.

“Sawah yang diusahakan mereka seluas 2,047 hektar berdepan dengan musim kering dan masalah padi kering.

“Saya berharap pesawah tidak berputus asa kerana mereka merupakan frontliners bagi menghasilkan sumber makanan utama negara,” ujarnya. – Warta Kedah

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/9/2020	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGARA	10

Kurang bekalan, hujan antara faktor kenaikan

# Harga ikan kembung musim Temco tinggi

Oleh **NUR ANATI JUHARI**  
 utusannews@mediamulia.com.my

**ALOR SETAR:** Harga ikan kembung di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan Secara Pentadbiran Kota Setar (Temco) mengalami kenaikan RM2 hingga RM6 sekilogram.

Tinjauan di Pasar Besar Alor Setar mendapati harga ikan bersaiz sederhana yang sebelum ini dijual bawah RM8 sekilogram mencapai RM10 hingga RM14.

Peniaga ikan di Pasar Besar Alor Setar, **Said Osman**, 61, memberitahu, kenaikan harga ikan itu berlaku sejak hari pertama pelaksanaan Temco di daerah ini Jumaat lalu.

“Harga biasa ikan kembung sebelum ini hanya di bawah RM8 sekilogram tetapi sejak Jumaat lalu, harga ikan itu terpaksa dinaikkan harga antara RM10 hingga RM14 sekilogram,” katanya ketika ditemui di sini semalam.

Katanya, kenaikan harga ikan di daerah ini dipercayai berpunca daripada masalah kekurangan bekalan.

“Ini berikutan ramai pemborong dan peraih sukar bergerak untuk mendapatkan bekalan di kawasan Kuala Kedah susulan perintah kawalan pergerakan ini,” ujarnya.

Pengerusi Pasar Besar Alor Setar, **Mohd. Fauzi Sharip** berkata, tinjauan mendapati kenaikan

harga itu melibatkan ikan kembung saiz sederhana.

“Saya difahamkan punca kenaikan harga ikan ini adalah cuaca hujan kebelakangan ini selain peraih yang sukar untuk bergerak dalam kawasan Temco,” katanya.

Beliau berkata, dia telah berbincang dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) untuk memastikan bekalan ikan di situ dapat menampung keperluan pengguna.

“Saya menasihatkan pengguna agar membeli mengikut keperluan sahaja kerana bekalan makanan mencukupi,” tambahnya.



**DUA** pelanggan bertanya harga ikan kembung yang melambung tinggi ketika berkunjung di Pasar Besar Alor Setar, Alor Setar, semalam. - UTUSAN/NORLIDA AKMAR IDROS

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/9/2020	KOSMO	NEGARA	5

Hasil laut itu dijual sehingga RM14 sekilogram berbanding harga ayam yang turun

## Harga ikan kembung naik mendadak

Oleh NUR ANATI JUHARI

**ALOR SETAR** – Harga ikan kembung atau temenung di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Secara Pentadbiran Kota Setar dikesan mengalami kenaikan antara RM2 hingga RM6 sekilogram.

Tinjauan di Pasar Besar Alor Setar di sini mendapati, harga ikan temenung bersaiz sederhana yang sebelum ini dijual pada harga di bawah RM8 dijual antara RM10 hingga RM14 sekilogram.

Barangan lain seperti ayam, telur serta sayur-sayuran tidak mengalami sebarang kenaikan harga.

Peniaga ikan di Pasar Besar Alor Setar, Said Osman, 61, memberitahu, kenaikan harga ikan itu berlaku sejak hari pertama pelaksanaan PKPD di daerah ini.

"Harga biasa ikan temenung sebelum ini hanya di bawah RM8 sekilogram tetapi sejak kelmarin naik antara RM10 hingga RM14 sekilogram," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Katanya, kenaikan harga ikan dipercayai berpunca daripada masalah kekurangan bekalan



**HARGA** Ikan kembung atau ikan temenung dijual agak mahal di Pasar Besar Alor Setar semalam.

hasil laut itu.

"Ramai peraih yang sukar bergerak untuk mendapatkan

bekalan di kawasan Kuala Kedah susulan PKPD yang dilaksanakan di Kota Setar," ujarnya.

Pengerusi Pasar Besar Alor Setar, Mohd. Fauzi Sharip berkata, tinjauan mendapati kenaikan

harga melibatkan ikan temenung borek iaitu ikan bersaiz sederhana.

"Saya difahamkan punca kenaikan harga ikan ini disebabkan kekurangan bekalan disebabkan cuaca hujan kebelakangan ini selain peraih sukar bergerak dalam kawasan PKPD ini," katanya.

Ujarnya, dia telah berbincang dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) untuk memastikan bekalan ikan di situ dapat menampung keperluan pengguna.

"Saya pada masa sama menasihatkan pengguna agar tidak membuat pembelian panik serta membeli mengikut keperluan sahaja kerana bekalan makanan mencukupi," tambahnya.

Dalam pada itu, harga ayam pula didapati turun 50 sen daripada RM7.40 kepada RM 6.90 bermula kelmarin.

Peniaga ayam, Muhamad Zuhair, 27, berkata, bekalan ayam mudah didapati pada masa ini.

"Walaupun PKPD bermula keimarin, (Jumaat) bekalan ayam masih mencukupi dan harga jualan terkawal," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/9/2020	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	11

Sukar pasarkan hasil tangkapan kerana Temco

## 3,000 nelayan terjejas pendapatan

Oleh **ZAID MOHD. NOOR**  
zaid.noor@mediamula.com.my

**KUALA KEDAH:** Seramai 3,000 nelayan di sini mendakwa pendapatan mereka terjejas apabila sukar memasarkan hasil tangkapan berikutan penguatkuasaan Perintah kawalan Pergerakan Diperketatkan Secara Pentadbiran (Temco) bermula kelmarin.

Nelayan terbabit percaya hasil tangkapan mereka tidak dapat dijual apabila pemborong dan peraih ikan dari luar kawasan daerah Kota Setar sukar memasuki kawasan ini.

Seorang nelayan, **Mohd. Hamdan Khamis**, 26, dari Kubang Rotan di sini berkata, kebiasaannya lebih 20 pemborong dan peraih menunggu mereka untuk membeli ikan di jeti Pasar Nelayan Kubang Rotan di sini.

Bagaimanapun, katanya, dia mendapati tidak ramai pemborong dan peraih yang berada di

jetty tersebut semalam mungkin disebabkan Temco.

“Saya juga terpaksa menjual ikan temenung (kembung) dengan harga murah antara RM1.50 hingga RM3 sekilogram berbanding lebih RM5 sekilogram sebelum ini kepada pemborong dan peraih.

“Jika tak laku juga saya terpaksa menjual ikan tersebut kepada pihak yang memproses baja dengan harga 60 sen sekilogran sahaja,” katanya ketika ditemui di sini semalam.

Seorang lagi nelayan, **Hamid Salleh**, 55, dari Seberang Kota di sini pula berkata, kebanyakan nelayan tidak keluar menangkap ikan kerana bimbang tidak dapat memasarkan hasil tangkapan mereka disebabkan Temco semalam.

“Kebiasaannya saya dapat menangkap ikan kira-kira 200 hingga 500 kilogram sehari dan dapat menjual ikan tersebut

dalam masa yang singkat sahaja.

“Bagaimanapun, pada hari ini (semalam), saya mengambil masa yang lama untuk menjual ikan kerana tidak ramai pemborong dan peraih yang datang, difahamkan mereka membeli ikan di luar kawasan Temco di daerah lain,” katanya.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat), **Abdul Hamid Bahari** memberitahu, beliau akan meminta Persatuan Nelayan Negeri Kedah dan Persatuan Nelayan Kuala Kedah supaya membeli ikan yang gagal dijual oleh nelayan di kawasan tersebut.

Menurutnya, langkah itu diharapkan dapat membantu nelayan yang tidak dapat menjual hasil tangkapan mereka disebabkan Temco.

“Harga ikan yang dibeli oleh persatuan nelayan itu pula berpatutan bagi meringankan beban nelayan,” ujarnya.



**NELAYAN** memunggh hasil laut ke atas jeti untuk dijual kepada peniaga di Pasar Nelayan Kubang Rotan, Kuala Kedah, semalam. - UTUSAN/SHAHIR NOORDIN

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/9/2020	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	32

# Fenomena ikan terapung timbul persoalan

Oleh MOHD. HAFIZ  
ABD. MUTALIB

hafiz.mutalib@mediamula.com.my

**ARAU:** Fenomena ikan mati yang terapung di Sungai Tambun Tulang di sini sejak kelmarin mengejutkan penduduk setempat yang mengaitkan kejadian tersebut dengan isu pencemaran di kawasan itu.

Bagaimanapun, dalam tinjauan *Utusan Malaysia* di sungai tersebut hari ini mendapati ikan terapung semakin berkurangan dipercayai disebabkan hujan lebat semalam.

Kelmarin, ratusan ikan ditemukan mati dan terapung di sungai selain tersangkut di tebing-tebing sungai dan kawasan tandop sepanjang kira-kira 14 kilometer sungai berkenaan dari Guar Sanji sehingga Sim-pang Empat.

Berikutan itu, suasana di kawasan Tambun Tulang di sini 'meriah' apabila orang ramai mengambil kesempatan menyauk ikan mati yang terapung di sungai di kawasan itu.



**ANTARA** ikan yang mati di Sungai Tambun Tulang, Arau, Perlis.

**SEORANG** penduduk menjala ikan di Sungai Tambun Tulang, Arau, Perlis beberapa hari selepas ratusan ikan ditemukan mati terapung di sungai tersebut. - UTUSAN/ MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB

Antara spesies ikan yang ditemukan mati terapung di sungai tersebut membabitkan ikan jenis talapia, lampam dan baung.

Seorang penduduk, Saifulah Abi Jamrah, 35, berkata, kejadian ikan terapung di sungai tersebut tidak pernah berlaku sebelum ini.

Katanya, dia juga tidak pasti apa yang menjadi punca ikan tersebut mati dan tidak menolak kemungkinan faktor pencemaran.

"Sudah dua hari ikan tera-

pung, namun hari ini sudah berkurangan mungkin disebabkan hujan lebat sekali gus menyebabkan keadaan air sudah berubah," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Pengerusi Jawatan kuasa Sumber Asli dan Alam Sekitar, Teh Chai Aan semalam menasihatkan orang ramai agar tidak terlalu ghairah menyauk atau mengambil ikan terapung di sungai berkenaan kerana

dikhuatiri terlibat dengan pencemaran.

Chai Aan dilaporkan berkata, ikan tersebut dipercayai dibawa oleh arus dari Sungai Korok di Jitra, Kedah dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) serta Jabatan Perikanan negeri telah mengambil sampel untuk ujian kimia dan keputusannya dijangka diperolehi dalam masa beberapa hari lagi.

Seorang lagi penduduk, Syed

Mohd. Helmi Syed Naufal, 36, pula berkata, dia tidak pasti sama ada ikan tersebut mati disebabkan pencemaran atau sebaliknya.

"Tidak pasti pasal pencemaran itu, tetapi tengok ikan semua sihat-sihat sahaja. Berkemungkinan ikan jadi sedikit 'pening' kerana arus sungai tersebut kuat," katanya ketika ditemui selepas menjala ikan di kawasan itu.

# Rempah BBQ Haqiqat lebih sedap

Nuriq Enterprise utamakan kualiti, jenis rempah

Oleh RAHAYU MUSTAPA

**N**uriq Enterprise, syarikat pengeluar produk rempah, pes dan makanan barat sejuk beku jenama Haqiqat yang mengutamakan konsep halal dan toyyiban, akan mengeluarkan rempah barbeku resipi baharu dengan citarasa lebih menyelerakan pada November depan.

Pengarah Urusannya, Norhashimah Hashim berkata, selain bungkusannya baharu, Rempah BBQ Haqiqat juga ditarbiyah baik dari segi kualiti dan jenis rempah ratusnya supaya penggunaannya lebih pelbagai, mudah dan sedap, sesuai dengan citarasa masyarakat tempatan serta luar negara.

Menurutnya, walaupun Rempah BBQ Haqiqat wajah baharu akan dilancarkan secara rasmi dua bulan lagi, namun produk itu sudah berada di 26 rangkaian pasaraya Mydin seluruh negara serta kedai-kedai terpilih. "Rempah seperti paprika, lada hitam, rosemary serta rempah-ratus yang digunakan dalam Rempah BBQ Haqiqat baharu ini kita pilih sendiri, resipinya memang resipi panggang asli dan lebih menarik, bahan digunakan adalah 100 peratus rempah berkualiti dengan aroma semula jadi.

"Selain untuk panggang ayam, daging, kambing dan makanan laut, Rempah BBQ Haqiqat ini juga sesuai untuk masakan lain seperti sos pasta," katanya kepada *Sinar Harian* ketika ditemui di kilang syarikat itu di Bukit Kor di sini baru-baru ini.

## Diktiraf halal

Norhashimah berkata, produk jenama Haqiqat mendapat pengiktirafan halal daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan pensijilan Skim Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI) daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sejak 10 tahun lalu.

Katanya, selain Rempah BBQ yang dijual dengan harga RM7.50 bagi satu pek, syarikat itu juga mengeluarkan pes tumisan tradisi yang boleh digunakan untuk pelbagai jenis masakan sama ada ikan bakar, asam pedas, bahun goreng atau nasi goreng.

Nuriq Enterprise turut menghasilkan sos lada hitam, daging perapan stik dan *lamb chop* serta makanan Barat yang hanya diproses apabila mendapat tempahan daripada hotel, restoran dan katering bagi menjamin kesegaran dan keaslian rasa serta sos lada hitam tanpa menggunakan bahan pengawet.

"Kami berhasrat mengeluarkan produk yang boleh dipelbagaikan kegunaannya dengan harga yang mampu milik, namun kualiti dan nilai rasa yang diutamakan supaya dengan hanya beli rempah BBQ dan pes tumisan Haqiqat, pelanggan boleh mengha-

silkan macam-macam jenis menu masakan yang sedap untuk dinikmati sekeluarga," katanya.

Norhashimah berkata, respons daripada pelanggan yang menyukai produk Haqiqat memberikan inspirasi dan semangat kepada Nuriq Enterprise terus bekerja keras mengeluarkan jenama itu dengan sebaiknya.

"Impian saya ialah memastikan produk keluaran Haqiqat ada di setiap rumah kerana kualiti rasa serta aromanya yang tersendiri.

"Kita juga mengalu-alukan taklan niaga dari seluruh negara yang berminat untuk menjaja Rempah BBQ Haqiqat di premis masing-masing dengan menghubungi kami di talian 019-210 5151 atau e-mel ke [haqiqat@nuriq.com](mailto:haqiqat@nuriq.com)."

"Kita memedukan rakan niaga dan lebih ramai pemborong serta wakil jualan di setiap negeri bagi menyebarkan hasrat ukhawah, pemiagaan dalam pembangunan ekonomi bersama," katanya.

Beliau berkata, buat permulaan pihaknya mengeluarkan 26,000 pek sebulan Rempah BBQ Haqiqat wajah baharu bagi pasaran seluruh negara dan pengeluaran dijangka meningkat lebih dua kali ganda dalam tempoh enam bulan.

Katanya, pasaran Rempah BBQ yang dikeluarkan juga boleh didapati secara atas talian di Shopee; <https://shopee.com.my/product/269207166/6538736093/>.

## Pasaran antarabangsa

Selain Malaysia, Nuriq Enterprise merancang untuk melebarkan pengaruh jenama Haqiqat dalam pasaran antarabangsa dengan mengintai pasaran Asia Barat dan negara Asia lain selepas berjaya ke Singapura melalui Agro Bazar.

"Kita amat bersyukur diberi pengiktirafan pensijilan halal dari Jakim dan pensijilan MeSTI dari KKM juga ada satu kelebihan untuk pemasaran dalam dan ke luar negara," katanya.

Norhashimah yang berasal dari Kuala Lumpur dan ibu kepada lapan anak berusia antara 28 hingga 10 tahun berkata, pada mulanya beliau hanya menghasilkan tiga jenis



Norhashimah (kanan) bersama dua anaknya yang membantu menguruskan syarikat.



NORHASHIMAH

makanan barat sejuk beku pada tahun 2005 dengan modal sebanyak RM5,000.

Namun, katanya, pelanggan meminta agar beliau menghasilkan stik dan *lamb chop* sejuk beku kerana mereka sukakan rasanya yang sedap.

Malah beliau turut tidak menyangka sambutan diterima begitu menggalakkan sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) baru-baru ini.

Bagi meningkatkan produktiviti syarikat, Norhashimah sekeluarga mengambil keputusan pulang ke kampung arwah suaminya di Terengganu untuk membuka kilang di Bukit Kor di sini dan berjaya menambah pengeluaran produk Haqiqat sehingga diberikan kepercayaan memembusi pasarnya serta peluang pasaran seterusnya.

"Saya bersyukur kerana selain disokong dengan tiga orang pekerja, anak keempat saya, Muhd Asyif Azlan banyak membantu menguruskan operasi kilang. Anak-anak lain juga menghidulurkan bantuan secara sambilan mengikut kemahiran masing-masing.

"Ada yang mengendalikan akaun, pendedaran, pemasaran, teknologi maklumat dan juga pentadbiran. Saya gembira dengan minat dan penglibatan anak-anak menguruskan pemiagaan bersama," katanya.

## Kualiti produk

Sepanjang 15 tahun bertapak dalam industri pemrosesan makanan, Nuriq Enterprise semakin berkembang dengan bantuan dan sokongan pelbagai agensi khususnya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dalam menambah baik kualiti produk serta produktiviti syarikat.

Sokongan yang diberikan membolehkan syarikat itu meraih pelbagai pengiktirafan antaranya Anugerah Inovasi Pertanian dan Industri Asas Tani Jaya Terengganu, Anugerah Usahawan Muda Berjaya (Pembuatan) Mara peringkat Wilayah Persekutuan dan Anugerah Usahawan Jejaka Jaya Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) tahun 2009.

KPDNHEP sentiasa proaktif dalam membantu usahawan-usa-

## Resipi sos spaghetti Haqiqat

2 biji bawang besar  
5 ulas bawang putih  
1 batang bawang holland  
1 batang saderi  
1 bungkus rempah BBQ Haqiqat  
1 bungkus daging cincang 100 gram  
5 biji tomato  
2 helai daun salam  
Sedikit minyak  
Sedikit garam jika perlu

## Cara membuat:

- Tumis sedikit minyak dengan bawang merah yang dipotong dadu.
- Apabila naik bau masukkan bawang putih dan bawang holland yang dipotong dadu.
- Masukkan daging cincang dan kacau hingga sebati.
- Masukkan rempah BBQ Haqiqat.
- Apabila rempah sudah sebati masukkan 500ml air.
- Masukkan tomato yang dipotong dadu, batang saderi yang diris dan daun salam.
- Tambahkan garam jika perlu.
- Kiri sos spaghetti daripada rempah BBQ Haqiqat sedeh dihidang bersama spaghetti pilihan anda.

(Spaghetti yang sudah direbus lambat dengan campuran sedikit minyak agar tidak melekat)

hawani PKS tempatan khususnya dalam Program Promosi dan Transformasi Produk yang antara lain meliputi bantuan, pembungkusan produk, pelaburan dan siri jelajah promosi di seluruh negara bagi mempromosi dan penjenamaan produk-produk PKS tempatan kepada masyarakat.

Norhashimah turut bersyukur kerana KPDNHEP sentiasa memberi dorongan dan membuka jalan kepada PKS untuk terus berdaya saing dan memartabatkan jenama tempatan di dalam pasaran lebih besar melalui penembusan rangkaian pasaran raya besar.

Menurutnya, kempen Beli Barangan Malaysia yang digerakkan KPDNHEP juga dilihat sebagai satu usaha yang mampu memajukan produk PKS bukan sahaja dalam negara malah ke peringkat antarabangsa.

"Kita patut bangga dengan jenama produk tempatan dan marilah kita sama-sama memajukan ekonomi negara dan menjayakan hasrat kerajaan dengan membantu membeli barangan buatan Malaysia.

"Saya bersyukur dengan nikmat ALLAH serta berterima kasih dengan segala ilmu serta bantuan dihulurkan dalam meningkatkan produktiviti syarikat dan saya harap produk Haqiqat yang dikeluarkan usahawan Muslim ini boleh pergi jauh setanding dengan jenama besar lain. Insyallah," katanya.

Beliau menyambut baik usaha KPDNHEP dalam menganjurkan Kempen Beli Barangan Malaysia kerana melalui kempen-kempen sebegini, orang ramai akan menyedari tentang kualiti produk-produk buatan tempatan yang setanding dengan produk-produk luar negara.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/9/2020	SINAR HARIAN	BISNES	30

# Sasar jualan 7 tan metrik timun sehari

Ketika ini mampu peroleh pendapatan bersih kira-kira RM5,000 sebulan

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR

SABAK BERNAM

**S**eorang pengusaha tanaman timun hibrid menyasarkan mampu menjual kira-kira tujuh tan metrik timun sehari bagi menampung permintaan bekalan sayuran itu dalam tempoh tiga tahun akan datang.

Mohammad Azrul Haziq Zulkifli, 27, berkata, dia yakin dapat meningkatkan hasil pengeluaran lebih empat kali ganda berikutan permintaan terhadap sayuran itu semakin tinggi di pasaran.

Ketika ini, katanya, dia yang mengusahakan tanaman menggunakan kaedah tanaman fertigasi gantung itu bersama adiknya, Mohd Azri Aiman Zulkifli, 21, mampu menghasilkan kira-kira dua tan metrik timun sehari.

"Buat permulaan, kami merancang untuk menambah polibeg daripada 4,000 kepada 6,000 polibeg menjelang Oktober ini," katanya kepada Sinar Harian.

Mohammad Azrul berkata, hasil timun dari kebunnya itu dijual kepada tiga pasar borong iaitu Pasar Borong Selayang, Klang dan Serdang.

"Kami tidak menyangka untuk memenuhi permintaan pelanggan supaya bekalan sayuran ini tidak terputus," katanya.

Hasil timun hibrid yang diperolehi akan dihantar ke tiga pasar borong.

Dia yang mengusahakan tanaman itu sejak enyap tahun lalu berkata, harga timun yang diusahakannya dijual pada harga RM1.30 hingga RM1.50 sekilogram.

"Malah, sewaktu pelaksanaan PKP (Perintah Kawalan Pergerakan) pada Mac lalu, harga timun terlalu tinggi antara RM3.80 hingga RM4 sekilogram.

"Ini berlaku kerana sayur-sayuran import semakin terhad menyebabkan permintaan lebih tinggi dalam kalangan pengusaha tempatan," katanya.

Katanya, dia yang mengusahakan tanah pertanian milik bapanya seluas 0.7 hektar di Kampung Tebuk Berihun, di sini mampu memperoleh pendapatan bersih kira-kira RM5,000 sebulan.



Mohammad Azrul (kanan) bersama Mohd Azri optimis mampu menjual kira-kira tujuh tan metrik timun sehari dalam tempoh tiga tahun akan datang.



Mohd Azri menunjukkan hasil timun hibrid yang dituai dari kebunnya.

"Hasil jualan diperolehi melebihi RM15,000 namun selepas ditolak kos upah pekerja, baja, tangki air dan racun kami masih mendapat pulangan modal serta keuntungan," katanya.

Lulusan Ijazah Sarjana Muda Agroteknologi Pertanian, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Jasin, Melaka itu mendapat bimbingan daripada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Sungai Besar dan bergerak di bawah projek belia luar bandar pertubuhan komuniti jom kebun.

Katanya, antara kelebihan timun hibrid ditanam secara fertigasi gantung yang diusahakannya itu dapat memberi pulangan maksimum.

"Timun hibrid yang kami jual ini gred A dan ia lebih berkualiti berbanding timun biasa.

"Selain itu, teknik fertigasi gantung ini dapat mengurangkan kos tenaga kerja dari sudut kawalan rumpai, kawalan serangga perosak, penyakit serta kerja memungut hasil," katanya.

Ujarnya, dia tidak mahu menoleh ke belakang dan berhasrat untuk menanam sayuran lain pada masa akan datang.

"Jika ada rezeki saya hendak mengusahakan tanaman sayuran lain pula seperti sawi, bayam dan kangkung selain memperluaskan tanaman timun sedia ada," katanya.



# Remajakan sektor pertanian demi kepentingan makanan negara

Oleh AZIZ MUHA

**K**EMENTERIAN Pertanian dan Industri Makanan telah membuat pelbagai usaha dan perancangan untuk menarik minat belia dalam sektor pertanian dan industri pembuatan makanan.

Golongan belia sangat diberi keutamaan dalam semua perancangan dan program kerajaan dalam menjadikan pertanian sebagai satu sumber pendapatan yang mampan dan kukuh serta menguntungkan petani, penternak, nelayan dan juga usahawan industri makanan.

Tindakan tersebut dilakukan di atas keyakinan bahawa dalam usaha untuk mempertingkatkan sektor pertanian, penyertaan dan penglibatan anak muda adalah sangat kritikal. Dalam erti kata lain, sektor pertanian perlu di-remajakan.

Keseriusan kerajaan itu dibuktikan dengan penubuhan Unit Agropreneur Muda bagi menyelaraskan hala tuju dan agenda pembangunan belia dalam sektor agromakanan.

Program Agropreneur Muda telah diperkenalkan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 dengan sasaran 5,000 orang agropreneur muda yang berumur antara 18 hingga 40 tahun menjelang 2020.

Program Agropreneur Muda merupakan satu pendekatan kerajaan bagi meningkatkan penglibatan anak muda dalam bidang pertanian, perikanan, penternakan serta agromakanan.

Secara ringkasnya, Program Agropreneur Muda menawarkan tiga perkhidmatan utama iaitu pertama, menyediakan geran Ag-

ropreneur Muda yang berbentuk barangan. Kedua, menyediakan bantuan modal untuk pakej pembiayaan khas melalui Agrobank dan juga TEKUN Nasional. Ketiga, menyediakan kursus jangka pendek dan khidmat nasihat teknikal dan kewangan melalui jabatan-jabatan dan agensi-agensi yang berkaitan di bawah Kementerian berkenaan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Dato' Che Abdullah Mat Nawi menjelaskan, Kementerian berkenaan juga melaksanakan program-program lain yang melibatkan belia-belia.

Antaranya, Program Mobiliti Tenaga Kerja dalam sektor agromakanan atau MyFutureAgro, dengan di bawah Penjana, Kementerian berkenaan telah diluluskan peruntukan sebanyak RM40 juta untuk melaksanakan Program Mobiliti Tenaga Kerja dalam sektor agromakanan atau MyFutureAgro bagi tahun 2020 sehingga 2021.

Menurut beliau, kerajaan juga telah mengadakan Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan yang melibatkan belia yang dilaksanakan di bawah Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional kepada semua generasi belia berumur di antara 18 tahun hingga 25 tahun yang berkelakalan.

"Program ini menawarkan pembelajaran di peringkat Sijil Kemahiran Malaysia dan Diploma Kemahiran dan diiktiraf oleh Ja-



Dato' Che Abdullah Mat Nawi



Ustaz Ahmad Fadhli Shaari

batan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia (KSM).

"Program-program ataupun perancangan yang telah dibuat oleh kerajaan bagi menarik anak muda, seterusnya Program Geran Pemadanan ataupun Pembiayaan Modal yang mana Program High Impact Products dan Program Change Upgrade Products merupakan bantuan peruntukan yang disalurkan dalam bentuk geran pemadanan (matching grant). Seterusnya, Program Pembangunan Modal Insan yang turut dirangka bagi menarik minat belia dalam sektor pertanian," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Ahli Parlimen PAS dari Pasir Mas, Ustaz Ahmad Fadhli Shaari menerusi sesi Jawapan-Jawapan Lisan Bagi Pertanian-Pertanian pada persidangan Dewan Rakyat 27 Julai lalu.

Ustaz Ahmad Fadhli dalam soalan asalnya meminta Menteri Pertanian dan Industri Makanan menyatakan apakah perancangan Kementerian bagi tujuan menarik minat belia dalam sektor pertanian dan industri pembuatan

makanan.

Menjawab soalan itu dengan lebih lanjut, Che Abdullah berkata, program itu adalah merupakan Program Pembangunan Latihan Usahawan Industri Makanan bertujuan bagi memantapkan pengetahuan dan kemahiran keusahawanan.

Bagi memperkukuhkan lagi penglibatan belia dalam sektor itu, Kementerian berkenaan selepas pembentukan kerajaan baharu pada Mac 2020 lalu, giat mengadakan sesi engagement bersama beberapa Kementerian seperti Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pengajian Tinggi dan juga Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

## Program Agropreneur Muda

Sementara itu, Ustaz Ahmad Fadhli menerusi soalan tambahannya berkata, sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan di dalam negara ini, bidang pertanian menjadi satu bidang yang diminati semula oleh rakyat Malaysia.

"Ini kerana semua orang tahu bahawa industri makanan ialah merupakan industri yang tidak akan mati. Jadi, setakat manakah pencapaian pihak kerajaan di dalam menarik semula anak-anak muda yang di bandar untuk balik ke kampung untuk mengusahakan tanaman-tanaman yang ada di tanah-tanah terbiar dan kosong yang ada? Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Men-

teri berikan perincian terhadap kejayaan program tersebut?" tanyanya.

Menjawab soalan itu, Che Abdullah berkata, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan merupakan satu Kementerian yang sangat kritikal dalam memastikan bekalan makanan dan semua kerja atau perancangan-perancangan yang dibuat dalam Kementerian diteruskan, walaupun dalam suasana Covid-19 baru-baru ini.

Bahkan, Kementerian berkenaan telah membuka bilik gerakan sepanjang PKP itu untuk memastikan bahawa semua perjalanan operasi pada setiap rantai perbekalan makanan itu berjalan seperti biasa.

Beliau menjelaskan bahawa sejak Program Agropreneur Muda dilaksanakan, seramai 6,005 orang agropreneur muda telah berjaya mendapat kelulusan Geran Agropreneur Muda.

Bantuan geran yang diberikan oleh pihak Kementerian itu adalah berbentuk barangan yang meliputi enam bidang utama membabitkan, pertama, tanaman. Kedua, ternakan. Ketiga, perikanan. Keempat, pemrosesan makanan. Kelima, pemasaran. Keenam, agropelancongan. Kerajaan juga terus membuka lagi kepada agroteknologi dan sebagainya.

"Jadi, ini adalah merupakan usaha-usaha yang dibuat oleh kerajaan untuk menarik anak-anak muda menyertai sektor pertanian ini. Di sinilah kita mengharapkan dengan program yang ditawarkan ini, anak-anak muda boleh mengambil kesempatan untuk mengusahakan tanah terbiar dan apa sahaja projek-projek pertanian," jelas beliau.

## Pertanian satu peluang jana ekonomi cukup besar

SESI Jawapan-Jawapan Lisan Bagi Pertanian-Pertanian pada persidangan Dewan Rakyat 27 Julai lalu dihidangkan dengan satu persoalan yang menarik daripada Ahli Parlimen Kulim Bandar Baharu, Dato' Seri Saifuddin Nasution Ismail dari PKR (PH) yang merujuk pertanyaannya kepada Kajian Khazanah Research Institute.

Ketika mengemukakan soalan tambahan daripada soalan asal Ahli Parlimen PAS dari Pasir Mas, Ustaz Ahmad Fadhli Shaari, beliau berkata, berdasarkan kajian Khazanah, sektor pertanian gagal menarik minat golongan muda kerana sebahagian besarnya dua punca. Pertama, akses mereka kepada tanah. Kedua, mereka kekurangan sumber kewangan.

"Tadi jawapan Yang Berhormat Menteri sudah jelaskan sedikit sebanyak tentang inisiatif Kementerian membantu dari segi sumber kewangan. Soalan saya adalah data tahun 2019, Jabatan Pertanian sebut tanah terbiar di negara kita ini luasnya 103,563 hektar. Kajian Khazanah Research Institute kata, anak muda tidak tertarik sebab akses kepada tanah itu tidak ada.

"Soalan saya ialah program Kementerian yang berjalan sekarang? Untuk padankan tanah terbiar dengan golongan muda yang hendak terlibat dengan pertanian, yang sedang berjalan sekarang. Jadi, kita boleh tunjuk contoh itu sebagai bukti kesungguhan Kementerian," katanya.

Menjawab soalan itu, Che Ab-

dullah berkata, pertanyaan Ahli Parlimen Kulim Bandar Baharu itu merupakan satu soalan yang sangat praktikal dan sangat susah sebenarnya. Namun, isu tanah adalah isu negeri.

Menurut beliau, maknanya, kalau pemuda atau belia tidak mempunyai tanah dan sebagainya, itu adalah isu yang berlaku di peringkat negeri. Kementerian akan sentiasa membantu untuk menyelesaikan seupaya mungkin masalah-masalah yang dihadapi oleh belia itu.

"Manakala masalah kekurangan sumber kewangan sebagaimana jawapan saya dalam soalan sebelum tadi, banyak program yang telah dibuat oleh kerajaan dalam usaha untuk membantu belia-belia, khususnya dalam soal

kewangan. Jadi, soal kewangan ini maknanya telah dibantu oleh kerajaan dengan begitu jelas," katanya.

Beliau menegaskan bahawa pertanian adalah satu bidang yang disebut sebagai 3D iaitu difficult, dirty dan dangerous yang apabila perkara itu disebut, boleh menjauhkan belia daripada menceburi sektor pertanian.

Jadi, itulah cabaran kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan bagi mengatasi masalah itu. Satunya, dari segi pemikiran belia itu sendiri supaya mereka tidak melihat bidang pertanian sebagai sektor 3D, tetapi sebagai satu peluang yang cukup besar, dengan sumber kekayaan negara yang cukup besar dalam sektor pertanian, baik dari segi penana-

nan, penternakan dan juga perikanan.

"Isu tanah terbiar ini adalah juga merupakan isu yang berterusan walaupun kita di peringkat negeri mahupun di peringkat Persekutuan sentiasa menjalankan projek-projek pemulihan tanah terbiar. Namun, tanah terbiar ini disebabkan oleh beberapa faktor asas seperti saliran dan sebagainya yang memerlukan kepada satu jangka masa yang panjang.

"Maknanya, sedar untuk memberi bantuan pada satu-satu ketika untuk mereka memulihkan tanah terbiar, biasanya tanah terbiar ini akan kembali rosak dan sebagainya. Kemudian senarai kekayaan belia muda ini, saya akan bagi secara bertulis kepada Yang Berhormat," jelas Che Abdullah.